

10 JUL 2003

MCA-reaksi

LIM DAN TAN JANJI BERKHIDMAT DENGAN LEBIH BIJAK

PULAU PINANG, 10 Julai (Bernama) -- Dua anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang dari parti MCA yang dikembalikan semula ke pangkuan parti selepas tempoh penggantungan mereka ditamatkan hari ini, mengucapkan terima kasih kepada pemimpin parti terhadap keputusan itu dan berjanji akan berkhidmat dengan lebih bijak.

ADUN Datuk Keramat, Lim Boon Chang dan Jawi, Tan Cheng Liang menggambarkan penggantungan selama tujuh bulan yang dilalui, sebagai telah mengajar mereka supaya lebih berhati-hati dalam mengambil sebarang keputusan pada masa akan datang.

Lim yang dihubungi di sini berkata hari ini merupakan hari yang paling gembira bagi beliau serta para pengundinya.

Tan dan Lim digantung dari parti pada 16 Dis lalu selepas mereka enggan mengundi menentang satu usul DAP pada persidangan Dewan Undangan Negeri bagi membantah projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang berharga 1.02 bilion pada November tahun lepas.

Keputusan menarik balik pennggantungan itu buat dengan sebulat suara oleh Majlis Presiden MCA hari ini.

Menurut majlis itu, penarikan tersebut akan membolehkan kedua-dua mereka kembali mencurahkan khidmat kepada kawasan masing-masing.

Lim berkata sepanjang tujuh bulan lepas, beliau tidak dapat berkhidmat untuk kawasannya dengan lancar kerana permohonan peruntukan untuk pembangunan di kawasannya itu telah ditolak oleh kerajaan negeri.

Katanya beliau tidak dapat hadir pada semua majlis-majlis kerajaan, mahupun majlis-majlis rasmi, termasuk mesyuarat pembangunan negeri.

"Sekarang saya ingin benar untuk kembali berkhidmat kepada rakyat, kerajaan dan parti dengan lebih berkesan. Saya ucapkan terima kasih kepada semua penyokong dan ini adalah masa yang terbaik kepada saya untuk berkhidmat dengan lebih bijak," katanya.

Sementara itu, Tan berkata beliau merasa lega dengan keputusan Majlis Presiden itu dan menyuarakan penghargaan kepada pemimpin Barisan Nasional (BN), khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan bekas presiden parti, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang memberikan beliau peluang untuk kembali berkhidmat kepada orang ramai.

"Saya sudah belajar banyak perkara semasa tempoh penggantungan, dan sekarang saya melihat sesuatu perkara dalam konteks yang lebih luas. Ia mengajar saya supaya menjadi lebih bijak dan lebih berhati-hati dalam membuat sebarang keputusan," katanya.

Katanya beliau menghadapi saat-saat yang sukar semasa melalui tempoh penggantungan itu apabil beliau tidak berupaya mendapatkan sebarang maklumat yang berguna kepada kawasannya.

Beliau menyifatkan pengalaman itu seumpama "ikat tangan" dan "ikat kaki" sehingga menyebabkan beliau tidak dapat berkhidmat dengan sempurna.

"Sekarang semangat saya kembali kuat. Kasih saya pada MCA dan BN tidak pernah pudar. Saya akan teruskan tugas saya untuk berkhidmat kepada orang ramai dan negara," katanya.

-- BERNAMA

SA AZH